

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9033**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) adakah benar bahawa anggota polis di Sabah tidak mencukupi terutama sekali di kawasan Esscom; dan
- (b) jika ia benar, apakah tindakan Kementerian selanjutnya.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), statistik keseluruhan perjawatan bagi pegawai dan anggota Kontinjen Sabah adalah sebanyak 7,419 perjawatan. Kekuatan semasa sehingga 30 April 2016 adalah berjumlah 6,416 pegawai dan anggota yang juga meliputi kawasan ESSZONE. Kekosongan yang berlaku adalah proses biasa disebabkan oleh "Attrition", bersara pilihan sendiri dan arahan pertukaran disebabkan mobiliti. Walaupun Kontinjen Sabah mengalami sedikit kekurangan keanggotaannya, ianya masih mencukupi untuk melaksanakan penugasan harian. Pengurusan PDRM akan membuat pengisian secara berperingkat sehingga perjawatan diisi sepenuhnya.**

**Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan amat mengambil berat berhubung dengan isu keselamatan terutamanya kawasan ESSZONE. Bagi memastikan kawasan ini terus selamat, aman dan terjamin, PDRM telah mengatur gerak penugasan di kawasan ESSZONE dengan menempatkan elemen Pasukan Gerakan Am Briged Sabah (Batalion 14 PGA Tawau, Batalion 15 PGA Sandakan, Batalion 17 PGA Lahad Datu dan Batalion 21 PGA Beluran), Pasukan Polis Marin Wilayah 4 Sabah, Pasukan Gerakan Udara Sabah, Balai-balai Polis di ESSZONE dan *Forward Operating Base (FOB)* di Pulau Mabul, Semporna, Banggi dan Kudat. Ini terbukti dengan kelulusan pertambahan perjawatan baharu berjumlah 280 perjawatan melalui Waran Perjawatan K143 Tahun 2015 bagi memastikan kawasan ini terus bebas daripada penceroboh yang pernah mengancam keselamatan negara sebelum ini. Selain itu, kolaborasi melalui NBOS yang diselaraskan oleh ESSCOM, penugasan di kawasan ESSZONE turut menempatkan aset Angkatan Tentera Malaysia yang meliputi Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).**